

# Muat turun video ke dalam android

**B**AGAIMANAKAH untuk memuat turun video Facebook ke dalam telefon Android?  
- Kamal, Bangi.

Pada hari ini, ramai orang suka menonton video menerusi telefon pintar ketika dalam keadaan pergerakan. Penonton video secara dalam talian atau *streaming* menggunakan perkhidmatan Internet data selular tidak sesuai kerana memerlukan penggunaan kapasiti jalur lebar yang tinggi.

Namun begitu, Facebook tidak menyediakan fungsi muat turun video menerusinya melalui aplikasi pada telefon pintar Android. Oleh itu, satu aplikasi pihak ketiga diperlukan untuk memuat turun video daripada aplikasi Facebook dalam telefon pintar Android seperti aplikasi *Video Downloader for Facebook* ciptaan Linterna Apps.

Seterusnya langkah-langkah penggunaan aplikasi *Video Downloader for Facebook*.

**1** Buka Google Play Store dan buat carian untuk aplikasi tersebut.

**2** Muat turun aplikasi *Video Downloader for Facebook* yang dihasilkan oleh Linterna Apps.

**3** Setelah muat turun, buka dan buat pemasangan

*Diskusi*  
**ICT**



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

aplikasi *Video Downloader for Facebook* ke dalam telefon Android tersebut. Tunggu sehingga proses pemasangan aplikasi selesai.

**4** Seterusnya klik aplikasi *Video Downloader for Facebook* dan tekan butang *Open*.

**5** Kemudian, klik butang *Browse Facebook* dengan memasukkan login dan kata laluan akaun Facebook yang hendak digunakan.

**6** Buat carian video yang hendak dimuat turun dan klik pada video tersebut.

**7** Satu menu *pop-up* akan dipaparkan dan klik pada butang *download*.

**8** Proses memuat turun video ke dalam telefon pintar Android berjalan dan tunggu sehingga selesai.

**9** Video tersebut akan disimpan dalam storan telefon pintar Android.

Selamat mencuba. Terdapat juga aplikasi lain seperti *MyVideoDownloader for Facebook*, *ES Downloader*, *ES File Explorer*, *Video Downloader Plus* dan lain-lain.